

# Melancong sambil mencuri, enam ditahan

Pecah cermin kereta mewah, larikan wang tunai RM260,000

## CAMERON HIGHLANDS

**M**elancong sambil mencuri merupakan taktik enam individu termasuk tiga wanita yang ditahan kerana disyaki terlibat dalam tujuh kejadian pecah kereta di Pekan Tanah Rata di sini, sejak beberapa hari lalu.

Ketua Polis Pahang, Datuk Ramli Mohamed Yoosuf berkata, kesemua mereka yang berusia 19 hingga 38 tahun itu dan antaranya mempunyai pertalian darah, ditahan dalam serbuan di sebuah lokasi di Brinchang kira-kira pukul 11.40 malam Sabtu lepas.

“Kami menerima maklumat berkenaan kes pecah cermin kereta bahagian penumpang belakang kenderaan jenis Toyota Vellfire dan sebuah beg galas berisi wang tunai sebanyak RM260,000 telah dicuri dan mendapati ia merupakan salah satu daripada tujuh kes tersebut.

“Hasil serbuan yang dijalankan oleh sepasukan polis Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah Cameron Highlands, telah berjaya mem-



Ramli menunjukkan barangan yang dirampas ekoran penangkapan enam individu pada sidang akhbar di IPD Cameron Highlands pada Isnin.

bawa kepada penangkapan enam suspek dalam tempoh kurang dari satu jam kes itu,” katanya pada sidang akhbar pada Isnin.

Tambah beliau, polis merampas beg hitam berisi wang tunai, beg mengandungi peralatan pecah cermin serta anak kunci gari, empat paket plastik berisi serbuk dan ketulan kristal disyaki dadah jenis syabu dan sepakat plastik berisi ketulan dimampatkan daun kering disyaki ganja.

Ramli memberitahu, turut dirampas dalam serbuan itu termasuklah pelbagai jenis barangan kemas, 10 buah telefon bimbit dan wang tunai berjumlah RM3,843.

Beliau menjelaskan, hasil siasatan lanjut mendapati terdapat dua lagi rakan jenayah suspek yang masih bebas yang dikenali sebagai Muhammad

Zaidi Zainal yang mempunyai 26 rekod jenayah lampau dan seorang lagi yang dikenali dengan nama panggilan Faiz.

“Mereka yang datang dari Sungai Petani, Kedah turut membawa anak kecil berumur lapan bulan sehingga 19 tahun, menginap di sebuah pusat penginapan terkemuka di sini sejak Khamis lepas,” katanya.

Menurut beliau, kes disiasat di bawah Seksyen 379 Kanun Keseksaan iaitu mencuri, Seksyen 427 Kanun Keseksaan kerana melakukan khianat dan Seksyen 39A (2) serta Seksyen 6 Akta Dadah Berbahaya 1952 kerana memiliki dadah.

Katanya, kesemua tangkapan di-remam selama empat hari sehingga Rabu ini bagi membantu siasatan lanjut. - Bernama